



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan '**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	MENAIK TARAF PASAR BUKIT BESAR JALAN PASIR PANJANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, MB KUALA TERENGGANU. (MBKT SH 83 /2025)	Gred : G2 Kategori : B Pengkhususan : B24	RM30.00

- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan maklumat lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 18, Menara MBKT, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**
- Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang hadir sesi taklimat dan lawatan tapak dengan membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebut harga. **Hanya kontraktor atau penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Sebut harga.**
- Dokumen Sebut harga akan dijual mulai pada hari **RABU, 16 April 2025** hingga **RABU, 23 April 2025** yang boleh dibuat secara Wang Tunai / Wang Pos / Kiriman Wang Pos yang dibuat atas nama:

"Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"

- Sebut harga ini akan ditutup pada hari KHAMIS, 24 APRIL 2025** . Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan "**Tajuk**" dan "**No. Sebut Harga**" berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 18 , Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup tawaran .
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau tertinggi ataupun mana-mana tawaran.
- Penyebut harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebut harga tamat akan disyorkan untuk diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

(DATO' HAJI ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu